

ورتا فنرشن Warta Penerangan



JULAI 2015





**Terbitan Bahagian Pengurusan
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri**

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Awang Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak
Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok
Fa'ezah Hayati binti Haji Abdul Rahman

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

Isi Kandungan

Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI)
ASEAN-COICI kali ke-16

The ASEAN Intergovernmental Commission of Human Rights (AICHR) Training of Trainers for Journalists in ASEAN Member States

Program Ramadan Penerangan menjelalah ke Daerah Belait

Program Ramadan Penerangan peluang berintegrasi dengan masyarakat

Majlis keagamaan semarak Ramadan mubarak

Penduduk kampung suarakan isu persekitaran

Penyerahan sumbangan

Majlis Penyampaian Sijil dan Pembentangan Hasil Penempatan Kerja

Senarai pegawai dan kakitangan yang menghadiri kursus / bengkel / ceramah bagi bulan Julai 2015

Pegawai yang baru berkhidmat / Kenaikan pangkat pegawai di Jabatan Penerangan/
Pegawai yang bersara

Muka

5

5

6 - 7

8 - 9

10 - 11

12 - 13

14

14

15

15

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Oleh : Unit Hal Ehwal Antarabangsa
Foto : Ihsan ASEAN-COCCI



Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCCI kali ke-16 telah diadakan pada 28-29 Julai 2015 di Bali, Indonesia dan dihadiri oleh perwakilan dari semua negara anggota ASEAN (AMS) kecuali Myanmar, dan wakil-wakil dari ASEAN Sekretariat. Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Awang Mawardi bin Haji Mohammad, Pemangku Pengarah Penerangan selaku Pengurus SCI Negara Brunei Darussalam dan Awang Haji Ibrahim bin Haji Mohammad, Pemangku Timbalan Pengarah Radio Televisyen Brunei (RTB).

Antara perkara yang dibincangkan pada

mesyuarat ini ialah perkembangan projek-projek di bawah sektor penerangan yang dikendalikan oleh AMS dan juga projek bersama rakan dialog seperti India, China, Korea dan Jepun serta cadangan-cadangan projek baru.

Pada mesyuarat kali ini, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan selaku Sekretariat Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) Negara Brunei Darussalam telah mencadangkan satu projek baru iaitu The Development of "We ASEAN" on Mobile Application yang telah mendapat sokongan penuh dari AMS dan akan dilaksanakan pada tahun 2016.

The ASEAN Intergovernmental Commission of Human Rights (AICHR) Training of Trainers for Journalists in ASEAN Member States



Oleh : Dk Nasibahanim Pg Haji Bakar
Foto : Ihsan AICHR, Thailand

PARA peserta The ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights (AICHR) Programme on Human Rights : Training of the Trainers for Journalist in ASEAN Member States bergambar ramai bersama Perwakilan Thailand ke AICHR selaku pihak pengajur kursus, Tuan Yang Terutama Dr. Seree Nonthasoot (duduk lima dari kanan) pada Sabtu, 25 Julai 2015.

The ASEAN Intergovernmental Commission on Human Rights (AICHR) Programme on Human Rights : Training of the Trainers for Journalist in ASEAN Member States telah berlangsung selama lima hari di Eastin Grand Hotel, Sathorn, Bangkok, Thailand mulai 25 hingga 29 Julai 2015.

Latihan berkenaan adalah kesinambungan dari latihan yang terdahulu diadakan oleh pihak AICHR. Latihan lima hari berkenaan menggumpulkan pengamal media dari pelbagai latar belakang negara ASEAN, pegawai-pegawai kerajaan, swasta, pensyarah,

Program Ramadan Penerangan menjelajah ke Daerah Belait

Oleh : Noraisah Muhammed

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



KUALA BELAIT, Selasa, 7 Julai. - Jabatan Penerangan meneruskan Program Ramadan Penerangan ke Daerah Belait yang diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, Kuala Belait.

Program yang diadakan bersempena dengan bulan Ramadan yang mubarak ini dianjurkan oleh Jabatan

Penerangan Cawangan Daerah Belait dan Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dengan kerjasama ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Pandan 'C'.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos.

Acara program tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah yang dipimpin oleh Imam Masjid RPN Kampung Pandan, Awang Akop bin Haji Lamat dan seterusnya diikuti dengan bacaan Al-Qur'an oleh salah seorang anak yatim yang diraikan, Dayang Nur Haziyah Ramizah binti Abdul Rahman.

Acara diselajurkan dengan ceramah ugama oleh Awang Haji Mohd Hisham bin Haji Ismail yang bertajuk 'Memuliakan Anak Yatim' dan seterusnya diikuti dengan Majlis Tahlil dan Doa Arwah yang dipimpin oleh Imam Masjid RPN Kampung Pandan.



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos menyempurnakan penyampaian derma dan barang keperluan kepada anak-anak yatim.



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Mohd Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos semasa hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut.

Sejurus selesai bacaan doa, majlis juga diselitkan dengan penyampaian sumbangan kepada anak-anak yatim oleh tetamu kehormat majlis.

Seramai 26 anak yatim di bawah tадahan Kampung Pandan 'C' telah menerima sumbangan daripada warga Jabatan Penerangan, Syarikat YMRM, Kingston Beverage and Creamery Sdn. Bhd., Hua Ho Department Store, D'Sunlit Sdn Bhd dan orang persendirian.

Pada majlis tersebut, sumbangan wakaf berupa barang-barang elektrik juga telah disampaikan oleh tetamu kehormat kepada Imam Masjid RPN Kampung Pandan bagi kegunaan masjid berkenaan.

Program Ramadan Penerangan ini bertujuan untuk melibatkan warga Jabatan Penerangan dalam sama-sama membuat amal kebajikan kepada masyarakat, di samping berintegrasi dengan mereka semasa bulan Ramadan.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin; Pemangku Pengarah Penerangan, Penghulu Mukim Kuala Belait, ketua-ketua kampung, pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan, JPM.



TETAMU kehormat ketika menyempurnakan penyampaian derma dan barang keperluan kepada anak-anak yatim.



CERAMAH khas ugama bertajuk 'Memuliakan Anak Yatim' disampaikan oleh Awang Haji Mohd Hisham bin Haji Ismail.

Program Ramadan Penerangan peluang berintegrasi dengan masyarakat

Oleh : Samle Haji Jait

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos semasa mengapalai bacaan Surah Al Faatihah pada Majlis Program Ramadan Jabatan Penerangan bagi Daerah Tutong bertempat di Balai Ibadat Kampung Sengkarai.

TUTONG, Khamis, 9 Julai. - Seramai 14 orang anak yatim di bawah tадahan Kampung Sengkarai menerima sumbangan derma pada majlis Program Ramadan Penerangan di Balai Ibadat Kampung Sengkarai.

Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos hadir selaku tetamu kehormat majlis dan menyempurnakan penyampaian derma berkenaan.

Derma berkenaan merupakan sumbangan bersama daripada warga Jabatan Penerangan, Syarikat Galleria YMRM, Kingston Beverage & Creamery Sdn. Bhd., Hua Ho Department Store dan D'Sunlit Sendirian Berhad.

Program yang dihasilkan bagi menyemarakkan bulan Ramadan yang mubarak itu bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diserikan dengan bacaan surah Al-Qur'an yang dibacakan oleh Awang Muhammad Mirza bin Muhammad Gurang. Pencermah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Anwari bin Haji Rawee menyampaikan ceramah yang antara lain menjelaskan, kebesaran bulan Ramadan terutama kelebihan beribadat pada 10 malam terakhir di bulan berkenaan, di samping mengupas kelebihan membaca Al-Qur'an sepanjang bulan Ramadan yang menjanjikan pahala berlipat ganda

bagi orang yang membacanya.

Majlis tahlil dan doa arwah telah dipimpin oleh Imam Balai Ibadat Kampung Sengkarai, Awang Haji Deli bin Haji Raya.

Program Ramadan Penerangan merupakan peluang bagi warga Jabatan Penerangan untuk membuat amal kebajikan kepada masyarakat, di samping berintegrasi dengan mereka semasa bulan Ramadan.

Program berkenaan juga diharapkan agar warga kampung dapat merasa keindahan Islam dan menyemai semangat ukhuwah, kasih sayang, pemedulian dan perpaduan dalam kalangan semua anggota masyarakat dan pihak kerajaan.

Turut hadir pada program berkenaan ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.



MAJLIS tersebut di serikan lagi dengan Ceramah Khas Ramadan di sampaikan oleh Penceramah Undangan dari Pusat Dakwah Islamiah, Ustaz Awang Haji Anwari bin Haji Rawee.



ANTARA Jemaah Balai Ibadat Kampung Sengkarai yang hadir pada majlis tersebut.



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunos menyampaikan sumbangan kepada salah seorang anak yatim kampung berkenaan.

Dari muka 5



THAI Public Broadcasting Service (Thai PBS) adalah destinasi kedua lawatan pada Rabu, 29 Julai 2015.

pembentang kertas kerja dari dalam dan luar negara.

Negara Brunei Darussalam telah menghantar dua orang Pegawai Penerangan, iaitu Dayang Ruhil Amal Faridah binti Yahya dan Dayang Ezawati Hanim @ Dayangku Nasibahanim binti Pengiran Haji Bakar untuk menghadiri kursus berkenaan.

Kursus bermula dengan pembentangan kertas-kertas kerja mengenai hal-hal yang berkaitan dengan Hak Asasi Manusia (*Human Rights*) yang meliputi perbincangan dan penerangan mengenai hak-hak asasi bagi golongan kanak-kanak, wanita, pekerja, orang-orang kurang upaya (OKU) dan bagaimana ia saling berhubungkait dengan alam sekitar.

Di samping itu, bagaimana pihak media berperanan dalam membariga, mengongsi dan menyampaikan berita di samping mendidik masyarakat mengenai Hak Asasi Manusia dalam kehidupan dan pendidikan.

Selain itu, pihak media juga perlu pandai serta bijak dalam menggunakan perkataan dan adalah

bertanggungjawab atas laporan atau berita yang dilaporkan dan ditulis.

Central Women Correctional Institution (CWCI); Thai Public Broadcast Service (Thai PBS) dan The Police Training Academy adalah tiga tempat yang dipilih oleh pihak pengajur sebagai destinasi lawatan bagi para peserta kursus pada hari kelima, 29 Julai 2015. Ketiga-tiga tempat berkenaan mengaplikasikan Hak Asasi Manusia dalam mengawas, memantau, mentadbir, membariga, mengongsi, mendidik, melatih, menerapkan dan sebagainya kepada pelatih, masyarakat, pegawai dan kakitangan di tempat berkenaan.

Pastinya pelbagai pengetahuan dan pengalaman telah diperolehi dari kursus berkenaan. Ia membuka mata dan minda untuk sentiasa bertanggungjawab atas apa yang dilaporkan dan jangan lupa untuk sama-sama menjaga sensitiviti masyarakat jika membuat laporan atau berita. Ini kerana setiap manusia mempunyai hak dan sensitiviti yang perlu dihormati oleh sesama kita.

Majlis keagamaan semarak Ramadan Mubarak

Oleh : Abdullah Asgar

Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi



BERAKAS, Khamis, 9 Julai. - Majlis Tadarus Al-Qur'an bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan sepanjang Ramadan berakhir hari ini dengan Khatam Al-Qur'an dan diteruskan dengan memperingati Sambutan Nuzul Al-Qur'an.

Acara keagamaan yang berlangsung di surau jabatan itu juga diteruskan dengan penyampaian derma kepada 11 anak yatim yang terdiri daripada anak-anak kakitangan Jabatan Penerangan.

Menyampaikan derma pada majlis berkenaan ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar. Bagi menyertai majlis, tazkirah yang bertajuk 'Al-Qur'an dan bulan Ramadan' telah disampaikan oleh Awang Haji Muhd. Khairul Nazif bin Haji Awang Damit.

Beliau antara lain mengingatkan supaya umat Islam untuk sentiasa mengambil peluang yang ada dalam bulan Ramadan untuk berbuat amal kebajikan dan memperbanyak membaca Al-Qur'an.

Katanya, membelanjakan wang di bulan Ramadan seperti bersedekah dan umrah juga perbuatan yang baik diamalkan kerana kita tidak tahu sama ada kita masih sempat berpuasa pada tahun yang akan datang.

Jelasnya lagi, Al-Qur'an dan berpuasa di bulan Ramadan dapat mengajar kita untuk bersyukur atas kurnia Allah malah ia juga mendidik untuk menghormati sesama yang lain dan jangan sekali memandang rendah kepada sesiapa pun kerana kita tahu ada kelebihan yang dilimpahkan Allah kepada hamba tersebut.

Kemudian acara diteruskan dengan bacaan



MAJLIS Khatam Al-Qur'an Jabatan Penerangan yang berlangsung di surau Jabatan Penerangan.



ANTARA pegawai dan kakitangan lelaki Jabatan Penerangan yang hadir.



SEBAHAGIAN pegawai dan kakitangan perempuan yang turut hadir.



ANTARA yang hadir ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Norasidah binti Haji Aliomar.

surah-surah dari juz 30 oleh pegawai dan kakitangan yang menyertai tadarus sepanjang Ramadan.

Kegiatan tadarus setiap tahun diadakan oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan bagi menyemarakkan lagi bulan Ramadan dan untuk meraih pahala yang besar.



DOA Khatam Al-Qur'an dibaca oleh Pengiran Arsul bin Pengiran Haji Abdul Momin.



PENYAMPAIAN derma kepada 11 anak yatim yang terdiri daripada anak-anak kakitangan Jabatan Penerangan (gambar atas dan bawah).



TAZKIRAH yang bertajuk 'Al-Qur'an dan bulan Ramadan' disampaikan oleh Awang Haji Muhd. Khairul Nazif bin Haji Awang Damit.



Penduduk Kampung suarakan isu persekitaran

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Mahdi Haji Marsidi



ROMBONGAN Program Jalinan Mesra Jabatan Penerangan yang diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar bergambar ramai bersama Penghulu Mukim Berakas 'A', Yang Berhormat Haji A. Ahmad bin Haji Hussain.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Julai. - Selain meneruskan tradisi kunjung-mengunjungi semasa Hari Raya Aidilfitri, Program Jalinan Mesra Penerangan yang dianjurkan oleh Unit Hubungan Masyarakat, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan dengan kerjasama Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung boleh dijadikan platform bagi pemimpin akar umbi untuk menyuarakan permasalahan yang dihadapi di kawasan masing-masing.

Antara masalah yang dihadapi oleh sebilangan penduduk kampung tentang anjing liar yang berkeliaran, sampah sarap dan penggantian tanah merupakan antara isu yang disuarakan pada Program Jalinan Mesra Penerangan semasa menyusur ke kampung-kampung di bawah tадahan Mukim Berakas 'A'.

Rombongan Jabatan Penerangan itu diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar bersama beberapa orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Rumah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang

Haji A.Ahmad bin Husain, selaku Penghulu Mukim Berakas 'A' menjadi destinasi pertama rombongan sebelum singgah ke rumah Ketua Kampung Pancha Delima/Kampung Anggerek Desa, Pemangku Ketua Kampung Orang Kaya Besar Imas/Pulaie, Awang Haji Zulkifli bin Haji Awang Ya'akub.

Rombongan kemudiannya meneruskan ke rumah Ketua Kampung Lambak 'A', Awang Haji Bujang bin Ahim dan rumah Ketua Kampung Lambak 'B', Mejar (B) Awang Haji Mohd. Jair bin Haji Abd. Wahab.

Semasa kunjungan tersebut, ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) di Kampung Pancha Delima turut menimbulkan isu kebanjiran warga asing yang menyebabkan keimbangan para penduduk Kampung Orang Kaya Besar Imas terutama dari segi keselamatan.

Sementara itu, ahli MPK Kampung Lambak 'A' pula menyuarakan mengenai isu tiadanya kawasan tempat pembuangan sampah yang khusus di kampung berkenaan, selain mencadangkan ditubuhkan satu program bagi para belia bertujuan agar mereka dapat

mengenali lagi masyarakat sekeliling mereka.

Ketua Kampung Lambak 'B' pula menyeru penduduk kampungnya agar sampah yang dibuang hendaklah di kawasan tempat pembuangan sampah yang khusus dan jangan bersepeh serta melaporkan apa juar kerosakan di kampung berkenaan terus kepada pihak berwajib tanpa menunggu tindakan ketua kampung.

Program seumpama ini antara lain dapat memberikan peluang kepada para penduduk kampung menyuarakan masalah dan pendapat, di samping menerima maklumat terkini mengenai kerajaan.

Program Jalinan Mesra Penerangan merupakan aktiviti tahunan jabatan yang diadakan ke keempat-empat daerah yang berkonsepkan ramah mesra bertujuan untuk memperkuatkkan perasaan harmoni, mesra dan hormat-menghormati antara warga Jabatan Penerangan dengan Institusi Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung dan anggota masyarakat sesebuah mukim dan kampung serta memperluaskan jalinan hubungan baik antara kedua-dua belah pihak.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar semasa berbual-bual dengan Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain ketika menyaksikan bahan pameran mengenai buku terbitan hal ehwal aktiviti masyarakat Mukim Berakas 'A' (gambar atas).



ANTARA pegawai dan kakitangan lelaki Jabatan Penerangan yang hadir.



ROMBONGAN semasa berkunjung ke rumah Ketua Kampung Pancha Delima / Kampung Anggerek Desa, Pemangku Ketua Kampung Orang Kaya Besar Imas/Pulaie, Awang Haji Zulkifli bin Haji Awang Ya'akub (gambar kanan).



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar semasa mengelapai rombongan ke rumah Ketua Kampung Lambak 'A' Awang Haji Bujang bin Ahim.



PROGRAM Jalinan Mesra Penerangan meneruskan acara ke rumah Ketua Kampung Lambak 'B' Mejar (B) Awang Haji Mohd. Jair bin Haji Abdul Wahab diketuai oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Majlis Penyampaian Sijil dan Pembentangan Hasil Penempatan Kerja

Oleh : Unit Latihan & Penyelidikan
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Julai - Empat orang pelajar Politeknik Brunei dan empat orang penuntut Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam membentangkan hasil penempatan kerja dan menerima sijil mereka setelah menamatkan penempatan kerja mereka di Jabatan Penerangan. Penyampaian sijil telah

disempurnakan oleh Pemangku Pengarah, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar. Hadir menyaksikan majlis ini ialah pegawai-pegawai Jabatan Penerangan dan juga penyelia dan penyelaras program penempatan kerja dua buah institusi tersebut.



Sumbangan berbentuk barang-barang makanan asasi dan keperluan harian sempena bulan Ramadan dan bulan Syawal yang akan menjelang telah diserahkan daripada pegawai dan kakitangan serta keluarga Jabatan Penerangan kepada keluarga terpilih di Daerah Temburong pada 14 Julai 2015.



Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus / bengkel / ceramah pada bulan ini:

Nama	Kursus / Bengkel / Ceramah	Tarikh
1. Awang Aliahmad bin Awang Achee 2. Awang Haji Masrin bin Baharin 3. Dayang Nurul Qaidah binti Ahmad 4. Dayangku Hajah Siti Mewartee binti Pengiran Haji Kahar	Kuliah Awam: Kerja 'High Class' di bulan Ramadhan	8 Julai 2015
5. Dayang Khairunneeza binti Abdullah	Konsep KKC	8 Julai 2015
6. Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya 7. Dayang Ezawati Hanim binti Abdullah @ Dayangku Nasibah Hanim binti Pengiran Haji Bakar	The ASEAN Intergovernmental Commission of Human Rights (AICHR) Training of Trainers for Journalists in ASEAN Member States, Bangkok, Thailand	24 Julai hingga 30 Julai 2015
8. Awang Mohammad Armie bin Haji Untong 9. Awang Mohammad Nor Amirudin bin Haji Yahya	Open Data Latihan Data Publishing	28 Julai 2015
10. Awang Haji Masrin bin Baharin 11. Dayang Aimi binti Sani	Kursus Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam	29 Julai hingga 1 Ogos 2015

Pegawai yang naik pangkat dan berpindah luar Jabatan Penerangan:



Dayang Nurhamizah binti Hassim
sebagai Pegawai Kaunseling di Jabatan Pembangunan Masyarakat
Tarikh berpindah : 13 Julai 2015

Jabatan Penerangan mengucapkan selamat datang kepada kakitangan yang baru berkhidmat di jabatan ini:



Awang Mohammad Nor Amirudin bin Haji Brahim
Jawatan : Pembantu Pegawai Luar Penerangan
Tarikh melapor : 14 Julai 2015

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih di atas sumbangan bakti, jasa, dan komitmen sepanjang berkhidmat di Jabatan Penerangan. Selamat bersara kepada:



Dayangku Hajah Saidah binti Pengiran Haji Omar Ali
Penolong Penyunting Tingkat II
Tarikh tamat perkhidmatan: 9 Julai 2015

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>
<http://www.information.gov.bn>
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



[infodept.bn](#)



[infodept_bn](#)

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Fax : 2382242